



DR. IMRAN HO ABDULLAH bertukar dokumen dengan Khan Mohd Akram Khan, (dua dari kiri), selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di Kelab Golf Danau, Bangi, semalam. - UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN.

UKM, AGA Zone jalin kerjasama urus data ✓

BANGI 16 Feb. - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini menjalin kerjasama dengan AGA Zone Sdn. Bhd. (AGA Zone) untuk mengurus, mengumpul dan menganalisis 'Big Data' iaitu maklumat dalam bentuk digital yang bertambah secara berlipat ganda menerusi Institut Informatik Visual (IVI).

Pengarah IVI, Prof. Datuk Dr. Halimah Badioze Zaman berkata, negara kini berada pada landasan terbaik dalam pengumpulan data tetapi perlu dikemas kini dengan menggunakan kaedah yang betul.

"Pada hari ini, kewujudan pelbagai data sama ada berstruktur yang bersifat formal atau tidak berstruktur seperti laman sosial terlalu banyak dan perlu dianalisis bagi melihat corak data serta maklumat yang tersorok.

"Pengurusan 'Big Data' ini membolehkan kita membuat jangkaan ramalan yang lebih tepat. Walau bagaimanapun, pengumpulan data ini perlu menggunakan teknik yang betul bagi memastikan maklumat yang diperolehi memberikan jawapan yang baik," katanya selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan AGA Zone di sini.

Dalam majlis itu, UKM di-

wakili Timbalan Naib Canselornya, Prof. Dr. Imran Ho Abdullah manakala AGA Zone diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Khan Mohd. Akram Khan.

Sementara itu, Halimah berkata, pihaknya yakin kerjasama itu bakal memudahkan mereka bekerjasama dengan negara dalam industri pengumpulan data.

"Kita mempunyai beberapa warga pendidik yang merupakan ahli kluster dalam Majlis Profesor Negara dan ini secara tidak langsung melibatkan mereka dengan pengumpulan data untuk negara.

"Kita jangkakan kerjasama yang terjalin ini akan membuka laluan ke arah penubuhan pusat kecemerlangan dalam bidang 'Big Data' yang akan membantu negara," katanya.

Dalam pada itu, Khan berkata, kerjasama dengan UKM dilihat sebagai galakan dan dorongan untuk memenangi dan meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam industri pengumpulan data.

"Kerjasama ini bakal membawa perkongsian, jalinan serta jaringan kepakaran akademik dan pengamal industri yang diyakini mampu menyumbang kepada pembinaan dan pengumpulan data yang lebih sistematik," katanya.